



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SELANGOR
Menara NAZA TTDI
Tingkat 6, 12 dan 13
No. 11, Jalan Judo 13/45
Seksyen 13, 40100 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 603-5520 5200
Laman Web:
<http://selangor.anm.gov.my>

Rujukan Kami : ANM (SEL) G.100-10/3/1 JLD.2(7)
Tarikh : 21 Mei 2025

**Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor**

YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEMBANGUNAN PROGRAM BAHARU BAGI PERGERAKAN GAJI TAHUNAN (PGT)
ZRPY071**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan rujukan e-mel :
JANM.600-12/1/40(24) bertarikh 20 Mei 2025 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) telah membangunkan satu program baharu bagi **Pergerakan Gaji Tahunan (ZRPY071)** menggantikan program lama ZRPY070. Pembangunan program baharu ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024, Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan berkuatkuasa 1 Disember 2024.

3. Justeru pihak PTJ boleh meneruskan proses Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) melalui modul ZRPY071 bermula bayaran gaji bulan Jun 2025. Bersama-sama ini dilampirkan manual pengguna Pergerakan Gaji Tahunan (ZRPY071) untuk makluman dan rujukan PTJ. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh dikemukakan kepada Unit Gaji JANM Selangor di alamat e-mel : gaji_sgr@anm.gov.my

4. Perhatian dan tindakan tuan/puan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(MAHINDER SINGH A/L JOGINDER SINGH C.A.(M))

Ketua Penolong Pengarah

Seksyen Operasi

b.p. Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Selangor

Tel : 03 5520 5203

Emel : mahinder@anm.gov.my